Persembahan pelajar sekolah pada sesi raptai sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Antara aset ketenteraan yang bakal dipertontonkan pada perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan Rabu ini. (Foto BERNAMA)

Sambutan Hari Kebangsaan

Semua kontinjen pamerkan kesiapsiagaan

(28 Ogos 2022) Berita Harian, P16

Raptai separa penuh berjalan lancar, ikut masa ditetapkan

Kuala Lumpur: Persiapan acara perbarisan dan perarakan sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, di sini, mencapai tahap hampir 95 peratus, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa.

Meninjau raptai separa penuh semalam, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan dan susun atur acara yang baik.

Katanya, raptai semalam berjalan teratur mengikut masa ditetapkan dan hampir sempurna.

"Acara perbarisan dan perarakan ini memerlukan tahap kesempurnaan tertentu sebab kena selaraskan dengan pergerakan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong yang perlu diselaraskan dengan pergerakan terbang lintas pesawat udara.

"Saya ucap terima kasih kepada semua kontinjen menunjukkan kesiapsiagaan yang baik selepas latihan sekian lama dijalankan mereka," katanya kepada pemberita pada raptai separa penuh berkenaan.

Annuar berharap sambutan kali ini dapat diraikan penuh keceriaan dan pengunjung yang hadir diminta terbabit sama terutama ketika bacaan ikrar, laungan slogan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' dan nyanyian lagu tema dan patriotik.

Pelbagai acara menarik

Beliau turut berharap tema Hari Kebangsaan 2022 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' dapat dijelmakan pada hari sambutan berkenaan oleh ribuan rakyat yang dijangka hadir, selain cuaca baik dan atur cara berjalan lancar, selamat serta sempurna mengikut perancangan.

"Saya percaya kehadiran fizikal warga Lembah Klang dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti siaran langsung seramai ratusan ribu akan menjadikan acara tahun ini meriah, bersesuaian dengan negara kita bergerak ke fasa endemik selepas dua tahun tidak mengadakannya kerana COVID-19," katanya.



Annuar bersama Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Mohammad Mentek menyaksikan raptai separa penuh sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, semalam. (Foto BERNAMA)

Sebahagian pelajar dengan berdisiplin menjayakan persembahan menarik yang memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan 2022. (Foto BERNAMA)

Sambutan Hari Kebangsaan 2022 berlangsung Rabu ini seawal jam 7 pagi di Dataran Merdeka dengan sasaran pengunjung 50,000.

Pelbagai acara menarik sudah diatur bagi menyemarakkan sambutan tahun ini termasuk keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta berkuda diraja dari Menara DBKL ke Dataran Merdeka.

BERNAMA